

Mesej Lima

**Pendispenan Divin daripada Triniti Divin
yang Diwahikan dalam Buku Efesus**

Bacaan Bible: Ef. 1:3-14; 2:18; 3:16-19; 4:4-6; 5:19-20; 6:10-11, 17

- I. Wahi berkenaan Tuhan Tritunggal dalam Sabda kudus bukan untuk difahami secara doktrin tetapi untuk pendispenan Tuhan dalam Triniti Divin-Nya ke dalam umat yang dipilih dan ditebus-Nya demi pengalaman dan kenikmatan mereka—2 Kor. 13:14:**
 - A. Bible mewahikan bahawa Tuhan Tritunggal bukan sekadar objek kepercayaan kita; Dia adalah subjektif kepada kita, huni dalam kita dan mendispenkan diri-Nya ke dalam kita untuk menjadi hayat dan bekalan hayat kita—Roma 8:2, 6, 10-11.
 - B. Bible ditulis menurut prinsip yang mengawal ini, iaitu Tuhan Tritunggal sedang menggarapkan diri-Nya ke dalam umat yang dipilih dan ditebus-Nya untuk menjadi hayat dan bekalan hayat mereka—Mzm. 36:8-9.
- II. Triniti Divin ialah rangka seluruh Bible; seluruh Bible, terutamanya buku Efesus, ditulis dengan berstrukturkan Triniti Divin:**
 - A. Efesus ialah satu-satunya buku dalam Bible yang dalamnya setiap bab distrukturkan dengan Triniti Divin sebagai elemen asasnya.
 - B. Jika kita tidak mengenali Tuhan Tritunggal, kita tidak dapat menanggap-faham kedalam Efesus kerana setiap bab dalam buku ini mempunyai Triniti Divin sebagai rangkanya—1:3-14; 2:18; 3:16-17a; 4:4-6; 5:19-20; 6:10-11, 17.
- III. Seluruh wahi dalam Efesus, berkenaan penghasilan, kewujudan, pertumbuhan, pembinaan, dan perjuangan gereja sebagai Tubuh Kristus, terdiri daripada ekonomi divin serta pendispenan divin daripada Triniti Divin ke dalam anggota-anggota Tubuh Kristus; oleh itu, fokus penting Efesus ialah pendispenan divin daripada Triniti Divin ke dalam percayawan:**
 - A. Bab 1 menyingskapkan bagaimana Tuhan Bapa telah memilih dan mempratakdirikan anggota-anggota ini dalam keabadian, bagaimana Tuhan Anak telah menebus mereka, dan bagaimana Tuhan Roh, sebagai jaminan, telah memeterai mereka, dengan demikian Dia menyalurkan diri-Nya ke dalam percayawan-Nya untuk membentuk gereja, iaitu Tubuh Kristus, kepenuhan Dia yang memenuhi segala dalam segala—ay. 3-14, 18-23:
 1. Efesus bab 1 mewahikan hasil daripada pendispenan Triniti yang terproses dan transmisi Kristus yang melangkau.
 2. Hasil daripada pendispenan Tuhan Bapa menyatakan tujuan abadi Tuhan (ay. 3-6), hasil daripada pendispenan Tuhan Anak menyatakan penggenapan tujuan abadi Tuhan (ay. 7-12), dan hasil daripada pendispenan Tuhan Roh menyatakan aplikasi tujuan Tuhan yang tersempurna (ay. 13-14).
 3. Oleh sebab Kristus yang melangkau ini merupakan perjasadan Tuhan Tritunggal, maka transmisi-Nya yang melangkau merangkumi segala pendispenan Tuhan Tritunggal yang kaya; pendispenan Tuhan Tritunggal dalam tiga aspek ini termasuk dalam transmisi Kristus yang melangkau, dan dilengkapkan serta berkonsumasi dalam transmisi serba merangkumi bagi Kristus yang melangkau—ay. 15-23.
 - B. Bab 2 menunjukkan kepada kita bahawa dalam Triniti Divin, semua percayawan, baik orang Yahudi mahupun bangsa Asing, beroleh laluan masuk kepada Tuhan Bapa, menerusi Tuhan Anak, dalam Tuhan Roh—ay. 18:
 1. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga ini wujud bersama dan saling huni secara serentak, bahkan setelah melalui proses-proses inkarnasi, kehidupan insani, penyaliban, dan kebangkitan.

2. Menerusi Tuhan Anak yang merupakan Penyempurna, iaitu sarana, dan dalam Tuhan Roh yang merupakan Pelaksana, iaitu aplikasi, kita beroleh laluan masuk kepada Tuhan Bapa yang merupakan Pemula, iaitu sumber kenikmatan kita.
 3. Kita merupakan sebuah puisi yang ditulis melalui pendispenan Bapa sebagai sumber, Anak sebagai saluran, dan Roh sebagai aliran—ay. 10.
 4. Pendispenan Bapa menghasilkan mahakarya, pendispenan Anak menghasilkan manusia baru, dan Roh itu membawa kita kepada Bapa dalam satu Tubuh; semua ini menghasilkan pembinaan gereja dan penggenapan ekonomi abadi Tuhan—ay. 10, 15-16, 21-22.
- C. Dalam bab 3, dutus berdoa agar Tuhan Bapa dapat membolehkan percayawan diperkuat dengan kudrat menerusi Tuhan Roh ke dalam manusia dalam mereka, agar Kristus, iaitu Tuhan Anak, dapat berumah dalam hati mereka, iaitu menduduki seluruh diri mereka, agar mereka dapat dipenuhi sehingga menjadi segala kepenuhan Tuhan Tritunggal; inilah kemuncak pengalaman percayawan dan pengambilan bahagian mereka dalam Tuhan dalam Triniti Divin-Nya—ay. 16-19:
1. Bapa ialah sumber, Roh ialah sarana, Anak ialah objek, dan kepenuhan Tuhan Tritunggal ialah hasil.
 2. Setiap daripada ketiga-tiga ini tidak bertindak untuk diri-Nya sendiri tetapi demi kepenuhan Tuhan Tritunggal; ini suatu gambar yang indah berkenaan Triniti Divin—bd. Mat. 12:28.
- D. Efesus 4 memaparkan bagaimana Tuhan yang terproses, iaitu Roh, Tuan, dan Bapa, berbaur dengan Tubuh Kristus agar semua anggota Tubuh dapat mengalami Triniti Divin—ay. 4-6:
1. Tubuh Kristus ialah lingkungan bagi perkembangan Tuhan Tritunggal.
 2. Pendispenan divin daripada Tuhan Bapa berkenaan Dia mengatas segala, daripada Tuhan Anak berkenaan Dia menembusi segala, dan daripada Roh berkenaan Dia berada dalam segala membolehkan semua anggota Tubuh Kristus mengalami dan menikmati Tuhan Tritunggal.
 3. Ayat-ayat ini mewahikan empat persona—satu Tubuh, satu Roh, satu Tuan, dan satu Tuhan Bapa—berbaur bersama sebagai satu entiti untuk menjadi Tubuh Kristus yang organik; oleh itu, Tuhan Tritunggal dan Tubuh ialah empat-dalam-satu.
- E. Bab 5 menasihati percayawan agar memuji Tuan, iaitu Tuhan Anak, dengan nyanyian Tuhan Roh, dan bersyukur dalam nama Tuan kita Yesus Kristus, iaitu Tuhan Anak, kepada Tuhan Bapa—ay. 19-20:
1. Ini adalah memuji dan bersyukur kepada Tuhan yang terproses dalam Triniti Divin-Nya untuk kita menikmati Dia sebagai Tuhan Tritunggal.
 2. Menerusi pendispenan divin daripada Triniti Divin, kita dikonstitusikan menjadi anak-anak Tuhan, bergerak-hidup dalam Tuhan yang merupakan kasih dan cahaya—ay. 2, 8.
- F. Bab 6 mengarahkan kita agar berjuang dalam peperangan rohani dengan diperkuatkan dalam Tuan, iaitu Tuhan Anak, dengan memakai baju zirah lengkap Tuhan Bapa, dan menggunakan pedang Roh itu—ay. 10-11, 17:
1. Tuhan Anak ialah kudrat dalam kita, Tuhan Bapa yang direalisasikan dalam Anak ialah baju zirah pada kita, dan Tuhan Roh ialah pedang, yang merupakan sabda Tuhan.
 2. Ini merupakan pengalaman dan kenikmatan percayawan terhadap Tuhan Tritunggal, malah dalam peperangan rohani.

IV. Menurut seluruh wahi daripada enam puluh enam buku Bible, Triniti Divin—Bapa, Anak, dan Roh—adalah untuk pendispenan Tuhan, iaitu untuk mengagihkan Tuhan ke dalam umat pilihan-Nya; Tuhan adalah tritunggal supaya

Dia dapat mendispenkan diri-Nya ke dalam kita, menggarapkan diri-Nya ke dalam kita untuk kenikmatan kita agar kita dapat dibina menjadi Tubuh Kristus dan dipersiapkan menjadi pengantin Kristus demi kedatangan kedua-Nya; pada masa itu kingdom dunia akan menjadi kingdom Tuan kita dan Kristus-Nya agar Dia dapat meraja buat selama-lamanya—Wahi 11:15.